



MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

24.10.2016

BAJET 2017

KOMEN MSWG:

Bajet yang dibentangkan baru-baru ini meneruskan trend semasa iaitu bajet untuk Rakyat.

Sehubungan itu, Bajet 2017 terus menggalakkan perumahan mampu milik, bantuan wang tunai berterusan seperti pemberian BR1M yang lebih meluas, lebih banyak manfaat kepada sektor perusahaan kecil dan sederhana yang penting (seperti pengurangan kadar cukai awal), penambahbaikan kepada ekonomi digital serta memperkenalkan pelepasan cukai gaya hidup untuk lebih ramai penduduk. Berikut antara tumpuan utama Bajet 2017:

Hasil dan Peruntukan dalam Bajet

- Hasil Kerajaan Persekutuan dijangka berjumlah RM219.7 bilion dan jumlah yang akan diperuntukkan ialah RM262.8 bilion.
- Bajet ini digubal berdasarkan andaian minyak mentah Brent USD45 setong. Kami menganggap harga minyak mentah Brent pada USD45 setong ialah harga yang realistik untuk dijadikan asas. Pendapatan daripada Cukai Petroleum dijangka meningkat 25%. Mengandaikan kenaikan 25% dalam hasil kesemuanya berpunca daripada kenaikan harga minyak mentah, harga minyak mentah perlu berada pada kira-kira USD56 bagi membolehkan Kerajaan mencapai hasil yang dibajetkan.

Peruntukan yang lebih besar diberikan kepada Pendidikan (bajet RM5.9b atau peningkatan 52.4% daripada 2016) dan Penjagaan Kesihatan (meningkat 3.4% kepada RM1.5b) adalah amat dialu-alukan.

Bajet pengembangan yang sederhana selain memanfaatkan hasil cukai yang lebih kukuh daripada sektor korporat dan cukai pendapatan petroleum, membolehkan kerajaan mencapai sasaran KDNK antara 4% dan 5% pada tahun 2017, selaras dengan unjuran konsensus yang meluas iaitu 4.5%.

Walaupun berhadapan tekanan dari luar di peringkat global, dari sudut fiskal, kerajaan telah menunjukkan sejumlah besar disiplin fiskal untuk mengekalkan trend pengurangan yang berterusan dalam defisit fiskal walaupun pada jumlah yang kecil iaitu 3% daripada KDNK pada 2017 berbanding 3.1% pada 2016.

Insentif Cukai Korporat

- Kadar cukai dikurangkan antara 1 dan 4 titik peratusan bagi syarikat dengan peningkatan yang ketara dalam pendapatan boleh cukai bagi tahun taksiran 2017 dan 2018. Ini merupakan insentif yang baik sebagai ganjaran kepada syarikat yang meningkatkan prestasi dan menyumbang cukai yang lebih tinggi. Kami melihat perkara ini sebagai situasi menang-menang kerana syarikat dan kerajaan sama-sama boleh memanfaatkan prestasi yang menjana pertumbuhan.

Menggalakkan Perumahan Mampu Milik

- Kerajaan memberi keutamaan untuk meningkatkan pemilikan rumah dengan menggalakkan perumahan mampu milik. Contohnya, PR1MA akan membina 30,000 rumah di atas tanah yang disediakan oleh Kerajaan dengan harga jualan antara RM150,000 hingga RM300,000. Pembiayaan untuk rumah PR1MA juga akan dipermudahkan.
- 10,000 rumah akan dibina dalam kawasan bandar untuk disewakan kepada belia pada kadar di bawah pasaran.
- Pengecualian duti setem sepenuhnya dan bukannya 50% seperti kadar semasa akan diberikan kepada pembeli kali pertama (ke atas RM300,000 yang pertama) pada rumah berharga sehingga RM500,000 (bakinya dikenakan 2%) untuk pemilikan rumah dari 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2018.

Mencergaskan Pasaran Modal

97% daripada perniagaan di negara ini adalah daripada sektor PKS dan pada tahun lepas, perniagaan ini menyumbang 36% kepada KDNK negara, 65% daripada jumlah tenaga pekerja dan 18% daripada eksport negara. PKS memainkan peranan penting dalam ekonomi Malaysia.

Semakin banyak penyelidikan yang kami jalankan, lebih jelas pemahaman kami terhadap sesebuah syarikat dan ini dijangka membantu membina pasaran modal.

- Syarikat-syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLC) akan memperuntukkan dana khas sehingga RM3 bilion kepada pengurus dana untuk dilaburkan dalam syarikat kecil dan sederhana yang berpotensi. [Tidak jelas cara ia berfungsi]
- Penubuhan Institut Penyelidikan Pasaran Modal ("CMRI") dengan dana permulaan sebanyak RM75 juta serta pengumuman pengenalan Skim Penyelidikan untuk 300 syarikat awam disenaraikan yang kecil dan sederhana. Ada kira-kira 750 syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia dengan modal pasaran kurang RM1.0 bilion yang dianggap sebagai modal kecil dan sederhana.

Secara amnya, langkah-langkah di atas boleh lihat sebagai langkah positif untuk mencergaskan pasaran modal dalam negara.

Kurang Positif:

Kurang positif kerana kemungkinan jumlah hasil semakin mengecil berbanding saiz ekonomi dalam jangka panjang.

Agensi penarafan antarabangsa sebelum ini pernah menyuarakan kebimbangan tentang perkara ini yang agak mengurangkan trend positif dalam usaha kerajaan mengurangkan defisit fiskal.

Dengan perbelanjaan pembangunan yang kekal meluas pada RM46b (berbanding RM45b pada 2016), agensi ini juga akan memantau cara kerajaan membiayai pelaburan awam dalam projek-projek besar seperti Kereta Api Berkelajuan Tinggi dan MRT.

Satu lagi kebimbangan yang berkaitan perkara di atas terletak pada hakikat asas cukai pendapatan di Malaysia masih agak sempit.

Hanya ada 2.1 juta pembayar cukai pendapatan, atau kurang 15% daripada jumlah tenaga kerja di negara ini yang berjumlah 14.6 juta. Walau bagaimanapun perkara ini mungkin dapat dikurangkan sedikit pada masa akan datang dengan penubuhan agensi yang dikenali sebagai 'Collection Intelligence Arrangement' yang ditugaskan untuk 'meningkatkan pematuhan dan kecekapan dalam kutipan cukai'.

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my

Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my

Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my

Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.